

24/10/1999

Perkongsian kuasa di Sabah berjaya

Mohd Azrone Sarabatin; Francis Andin

PRESIDEN Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee, menyifatkan konsep Barisan Nasional (BN) adalah yang terbaik untuk politik Malaysia kerana berjaya memenuhi aspirasi rakyat serta menjaga kepentingan semua kaum.

Bekas Ketua Menteri Sabah itu berkata sambutan ulang tahun jubli perak BN adalah peluang terbaik bagi semua pihak memperkukuh kerjasama serta memupuk semangat pemuafakatan yang didukung BN selama ini.

"Kegembiraan meraikan sambutan ulang tahun ini bukan saja dikongsi oleh parti komponen BN, tetapi juga rakyat yang berjuang untuk membina sebuah negara yang kuat dan maju.

"Malaysia mencapai kejayaan yang membanggakan kerana pemimpin dalam kerajaan BN mempraktikkan sikap kesederhanaan, keharmonian kaum dibina atas landasan keadilan, demokrasi dan perundingan," katanya.

Yong berkata di bawah BN Sabah, semua kaum diwakili dalam kerajaan dan cara membuat keputusan secara kolektif sudah menjadi sebahagian daripada budaya politik negeri itu.

"Pemimpin BN di Sabah mula menyedari bahawa di bawah payung BN, matlamat utamanya ialah untuk menjaga kepentingan semua pihak.

"Konsep kongsi kuasa berjaya membawa kestabilan politik di Sabah dan membawa perubahan ketara ke dalam arus perdana politik nasional meliputi aspek ekonomi, sosial dan politik," katanya.

Beliau berkata, kemajuan yang dicapai Malaysia adalah hasil kepemimpinan pragmatik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berwawasan dan berpandangan jauh, berjaya mentadbir negara dan melepasi pelbagai cabaran.

"Marilah kita bersama-sama memupuk semangat perpaduan dan bekerja kuat memupuk keyakinan diri kepada pemimpin BN semua peringkat, supaya kita dapat mara bergerak bersama menghadapi cabaran alaf baru," katanya.

Presiden Pertubuhan Kebangsaan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (Upko), Tan Sri Bernard Dompok yakin Barisan Nasional (BN) akan terus menjadi pilihan rakyat dalam pilihan raya umum akan datang.

Ini kerana, katanya, konsep dan ideologi parti itu sudah serasi dengan majoriti rakyat negara ini.

Beliau berkata, walaupun negara didiami masyarakat pelbagai kaum melebihi 30 etnik tetapi parti berkenaan berjaya menyatukannya dalam suasana harmoni.

Menurutnya, ini berbeza dengan negara lain yang menghadapi masalah menyatukan penduduknya walaupun negara terbabit hanya didiami kurang lima etnik.

Dari sudut pembangunan, katanya, semua masyarakat memperoleh hak sama rata tanpa mengira kaum dan anutan agama.

Dompok menegaskan, walaupun Islam agama rasmi tetapi penganut agama lain tidak ditindas malah diberi peruntukan untuk mendirikan pusat ibadat.

"Konsep yang diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan 42 tahun lalu amat disenangi rakyat tanpa menimbulkan sebarang keraguan," katanya.

Dompok berkata, perkongsian kuasa secara cekap dan teratur menjadi pemangkin kepada keharmonian masyarakat.

Konsep ini, menurutnya bukan sekadar diungkapkan dibibir tetapi telah diamalkan dalam pentadbiran negara melangkaui empat dekad, bermula dengan Parti Perikatan sehingga kepada BN. Konsep berkenaan terserlah dalam barisan jemaah Kabinet Kerajaan Persekutuan yang dianggotai pelbagai kaum.

Dompok yang juga bekas Ketua Menteri Sabah dan bekas Menteri di Jabatan

Perdana Menteri menegaskan konsep BN dalam kepemimpinan negara masih relevan dan perlu diteruskan.

"Konsep ini tidak tiada cacat cela dan kegawatan politik yang berlaku bukan berpunca daripada amalan konsep ini," katanya.

Beliau memberi jaminan Upko akan bekerja keras memastikan kemenangan BN dengan meraih undi besar daripada etnik Kadazandusun yang diwakili parti itu.

Katanya, masyarakat berkenaan yang sebahagian daripada penduduk negara ini perlu digembleng dengan masyarakat lain dalam perjuangan nasional.

Tegasnya, masyarakat terbabit perlu keluar daripada kepompong kenegerian dan perkauman yang menyebabkan mereka menolak BN.

"Upko akan berusaha keras untuk mengembalikan mereka ke pangkuan BN," katanya.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup, berkata BN yang mengamalkan konsep perkongsian kuasa bestari terbukti berjaya membawa negara ke era kegemilangan.

Katanya, kepemimpinan negara yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya membuktikan keupayaan menangani pelbagai isu masa kini.

Beliau berkata, konsep BN yang mengutamakan kepentingan parti dan tidak kepada kepentingan peribadi amat sesuai bagi mengelakkan perpecahan yang hanya merugikan.

Mengenai masa depan PBRS, Kurup berkata, partinya masih kukuh dan serasi dengan perjuangan BN.

Beliau menegaskan partinya yang kini dianggotai kira-kira 30,000 ahli setia kepada BN.